



WAWANCARA BERSAMA PUAN HAJAH NORLINA BINTI HAJI ALAWI PENGASAS
PERSATUAN KEBAJIKAN ANAK KEPADA PESAKIT HIV/AIDS NURUL IMAN
MALAYSIA (PERNIM) DIATAS JASA BELIAU MEMARTABATKAN NASIB ANAK-
ANAK PESAKIT HIV.

OLEH:

NUR SYAIDATUL ALLIYAH BINTI MOHD RASID (2013696476)

FARA SUADA BINTI ISMAIL (2013654588)

PROJEK DI MAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
(IMR 604: DOCUMENTING ORAL HISTORY)

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2014 – JANUARI 2015)

Wawancara bersama Puan Hajah Norlina binti Haji Alawi

Penghargaan

Pertama sekali, kami ingin meluahkan rasa syukur kami kerana kami telah berjaya menyelesaikan dan melengkapkan projek Sejarah Lisan kami bagi subjek IMR 604 (Documenting Oral History). Pelbagai halangan telah kami hadapi dengan tenang bagi memastikan tugas kami ini dapat disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh penasihat akademik kami untuk subjek IMR 604 ini.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada penasihat akademik kami bagi subjek IMR 604 ini iaitu Puan Azura binti Kamarudzzaman atas nasihat dan tunjuk ajar beliau untuk membantu kami menyiapkan projek Sejarah Lisan kami ini. Beliau juga sentiasa memantau dan memberi dorongan kepada kami dari minggu ke minggu bagi memastikan kami memenuhi piawaian bagi projek ini. Segala tunjuk ajar dan ilmu yang diturunkan kepada kami sepanjang projek Sejarah Lisan ini amat kami hargai.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Puan Hajah Norlina binti Alawi, Pengasas Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia kerana sudi memberikan kerjasama menjadi tokoh untuk Projek Lisan kami ini. Kerjasama beliau yang tidak berbelah-bagi dengan meluangkan masa beliau untuk ditemubual amat kami hargai. Kerjasama yang beliau berikan amat membantu kami melengkapkan Projek Sejarah Lisan kami ini dengan jayanya. Kerjasama dari beliau amat kami hargai.

Selain itu, kami juga berterima kasih kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam Projek Lisan kami ini. Individu yang kami maksudkan ialah ibu bapa dan juga rakan-rakan kami. Tunjuk ajar dan dorongan dari mereka membantu kami menyiapkan tugas Projek Sejarah Lisan kami ini dengan jayanya dan menghasilkan Projek Sejarah Lisan yang terbaik.

Sekian terima kasih.

PERKARA	MUKA SURAT
Penghargaan	I
1.0 Abstrak	1
2.0 Pengenalan Oral History (Sejarah Lisan)	2
3.0 Singkatan	3
4.0 Biodata Penulis	4 – 5
5.0 Pendahuluan	6 – 10
6.0 Transkrip Wawancara	11 – 68
7.0 Log Wawancara	69 – 76
8.0 Kronologi (Diari)	77 – 80
9.0 Biodata Tokoh	81
10.0 Senarai Soalan Wawancara	82 – 84
11.0 Ralat	85
12.0 Lampiran	86
13.0 Indeks	87 – 91
14.0 Senarai Rujukan	92

Wawancara bersama Puan Hajah Norlina binti Haji Alawi

1.0 **Abstrak**

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Pengasas Persatuan Kebajikan Anak kepada Pesakit *HIV/AIDS* Nurul Iman Malaysia iaitu Puan Hajah Norlina binti Haji Alawi yang dijalankan pada 21 November 2014 di Lot 482, Jalan Seri Kemuning, Lembah Jaya Selatan, 68000 Ampang, Selangor. Puan Hajah Norlina binti Haji Alawi merupakan seorang aktivis kemanusiaan yang begitu tabah membela nasib dan masa depan anak kepada pesakit HIV. Transkrip temubual ini mengandungi maklumat tentang latar belakang beliau dan juga sejarah awal pembabitan beliau dalam bidang kemanusiaan. Transkrip temubual ini lebih tertumpu kepada penubuhan persatuan PERNIM dan kecekalan beliau dalam membesarkan anak-anak anugerah. Beliau banyak berkongsi tentang pengalaman pahit dan manis dalam menghadapi stigma dan pandangan serong masyarakat terhadap beliau. Beliau juga menyampaikan pesanan dan harapan beliau terhadap generasi muda sekarang agar menyambung legasi beliau sebagai aktivis kemanusiaan yang membela nasib anak-anak anugerah melalui transkrip temubual ini.

Kata Kunci: HIV, AIDS, PERNIM, anak anugerah.

Wawancara bersama Puan Hajah Norlina binti Haji Alawi

2.0 Pengenalan Oral History (Sejarah Lisan)

Sejarah lisan merupakan satu ungkapan yang berkaitan dengan pengalaman dan cabaran yang dialami dalam kehidupan seseorang melalui beberapa peristiwa yang dialami sepanjang kehidupannya samada peristiwa pahit atau manis. Istilah sejarah lisan mula diperkenalkan di Amerika Syarikat pada tahun 1948, kemudian ke Kanada, Australia, United Kingdom dan Negara negara Asia. Di Malaysia, fenomena ini bermula seawal tahun 1960-an tetapi masih belum mantap dari segi kefahaman dan konsep ketika itu.

Sehinggalah sekarang, sejarah lisan semakin mendapat perhatian daripada masyarakat Malaysia kerana kepentingannya kepada semua. Biasanya sejarah lisan dilakukan dengan menggunakan pita rakaman untuk merakam apa yang diberitahu oleh seseorang tokoh atau orang perseorangan.

Sejarah lisan adalah untuk menampung kekurangan maklumat yang terdapat dalam bentuk tulisan dan juga mengumpul maklumat yang mungkin tidak akan dirujuk jika tidak ada rakaman. Biasanya sejarah lisan dibuat berdasarkan pengalaman dan peristiwa yang mempunyai nilai maklumat yang penting dan berguna untuk rujukan orang ramai, masyarakat dan sesebuah Negara. Contohnya sejarah lisan berkaitan dengan perjuangan seorang bekas tentera di zaman Jepun. Di sini, kita boleh menjadikan iktibar dan pengajaran di atas perjuangan seorang bekas tentera untuk mempertahankan Negara daripada musuh.

Dengan sejarah lisan dalam erti kata lain, boleh dijadikan sebagai sumber atau bahan sejarah. Dengan adanya sejarah lisan ini akan memperkayakan lagi sumber-sumber sejarah yang mempunyai nilai untuk dikongsi bersama dan menjadi bahan rujukan bagi sesuatu perkara.